

Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone Publication: Bernama.com
Ekonomi (1 of 1)

Date: October 31, 2006

Ekonomi

31 Oktober, 2006 19:01 PM



Zon Bebas Pelabuhan Bebas Kini Sedia Terima Pelanggan

PORT KLANG, 31 Okt (Bernama) -- Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang bernilai RM2.2 bilion yang dibangunkan mengikut Zon Bebas Jebel Ali di Dubai yang mencatatkan kejayaan, kini sedia terima pelanggan.

Zon perdagangan bebas dan komersial seluas 400 hektar itu telah menerima pelabur pertama, Aker Kvaerner, sebuah syarikat kejuruteraan minyak dan gas Norway yang telah mengambil kawasan perindustrian yang telah dibangunkan seluas 27.6 ha.

Aker Kvaerner akan melabur RM400 juta membina sebuah pusat pengeluaran yang akan memainkan peranan penting menyokong eksplorasi minyak dan gas mereka di Asia Pasifik.

"Kami sedang memuktamadkan perbincangan dengan lima pelabur lain," kata pengurus besarnya Noel Gulliver ketika lawatan media di PKFZ itu di sini Selasa.

PKFZ, yang merupakan zon perindustrian dan komersial bebas bersepadu, dijangka menampung 20,000 orang peniaga dalam tempoh lima tahun akan datang.

Gulliver berkata pelabur lain telah turut membuat pertanyaan untuk mengambil 14 unit kawasan perindustrian ringan dalam zon itu manakala empat syarikat berminat mengambil ruang di kompleks pejabat.

PKFZ yang diwartakan sebagai zon bebas pertama untuk aktiviti komersial dan pengilangan, terletak bersebelahan Westports di Pulau Indah.

Malaysia mempunyai 29 kawasan zon bebas.

Gulliver berkata PKFZ dijangka merancakkan volum kontena Pelabuhan Klang dalam tempoh kurang dua tahun.

Press Clipping

PKFZ yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Pelabuhan Klang, direka bentuk dan diurus oleh JAFZA International, bahagian perundingan dan pengurusan Jebel Ali Free Zone Authority (JAFZA) di Dubai.

Sementara itu, pengerusi PKFZ Datin Paduka O.C. Phang berkata antara insentif yang disediakan termasuk pengecualian cukai, insentif eksport, insentif penyelidikan dan pembangunan (R&D), 100 peratus ekuiti asing dan 100 peratus penghantaran pulang modal dan keuntungan.

Antara kemudahan yang disediakan di PKPZ ialah empat unit kompleks pejabat lapan tingkat seluas 500,000 kaki persegi setiap satu, 512 unit industri ringan dan 256 ha kawasan perindustrian yang boleh disewa pada kadar RM1.80 sekaki persegi setahun.

-- BERNAMA